

Persepsi Guru-Guru Bidang Teknik Dan Vokasional Sekolah Menengah Kebangsaan Tinggi Segamat Dalam Meningkatkan Kecerdasan Emosi Pelajar: Satu Kajian Kes Kualitatif

Aderemy Minhat¹ dan Mohamad Hisyam Mohd Hashim²

¹Sekolah Menengah Kebangsaan Tinggi Segamat, Johor

²Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

Abstrak

Kajian ini bertujuan supaya penyelidik dapat memahami dan menjelaskan persepsi guru-guru bidang teknik dan vokasional yang berpengalaman di Sekolah Menengah Kebangsaan Tinggi Segamat dalam meningkatkan kecerdasan emosi pelajar. Kajian ini menggunakan metodologi kajian kes kualitatif dimana terdapat 5 orang guru bidang teknik dan vokasional Sekolah Menengah Kebangsaan Tinggi Segamat terlibat untuk mendapatkan persepsi mereka. Dapatan kajian ini memperlihatkan kefahaman guru-guru bidang teknik dan vokasional mengenai kecerdasan emosi pelajar dan juga bagaimana mata pelajaran dalam bidang teknik dan vokasional Sekolah Menengah Kebangsaan Tinggi Segamat seperti kemahiran hidup, ekonomi rumah tangga, prinsip akaun, perdagangan dan ekonomi asas dapat meningkatkan kecerdasan emosi pelajar. Kesimpulannya kecerdasan emosi perlu diterapkan kepada setiap pelajar supaya mereka dapat meningkatkan prestasi akademik, kemahiran dan juga ko-kurikulum mereka.

Kata kunci: persepsi, kecerdasan emosi dan guru-guru bidang teknik dan vokasional.

1. PENDAHULUAN

Kecerdasan emosi adalah penting bagi pelajar dan dapat dilihat sebagai faktor yang boleh mempengaruhi proses pembelajaran. Menurut Mayer *et al.* (1999) kecemerlangan individu bergantung pada kecerdasan emosinya, dengan kata lain seseorang yang memiliki kecerdasan intelek menjadi lebih cemerlang apabila dia juga memiliki kecerdasan emosi kerana kecerdasan intelek sahaja tidak dapat menjamin kecemerlangan seseorang individu. Kecerdasan emosi juga mempunyai pengaruh terhadap kejayaan dalam kehidupan pelajar. Menurut Goleman (1998) menyatakan bahawa kecerdasan emosi mempunyai pengaruh yang sama penting atau lebih penting terhadap kejayaan individu dalam kehidupan jika dibandingkan dengan kecerdasan intelek. Beliau percaya bahawa kecerdasan emosi boleh menyumbang kepada beberapa aspek kehidupan seperti peningkatan pembelajaran, penurunan tingkah laku agresi, pembuatan keputusan yang lebih baik dan lain-lain ciri yang membantu kejayaan dalam kehidupan. Tumpuan terhadap menyelesaikan sesuatu tugas dapat ditingkatkan sekiranya pelajar mempunyai kecerdasan emosi yang

tinggi dimana kajian yang telah dijalankan oleh Noriah *et al.* (2000) menunjukkan ke atas 62 orang remaja telah membuktikan bahawa mereka yang mempunyai kecerdasan emosi yang tinggi lebih dapat menunjukkan tingkahlaku memberi tumpuan dalam menyelesaikan sesuatu tugas yang diberi. Melalui kecerdasan emosi, hubungan sosial yang baik dapat diwujudkan dikalangan pelajar. Menurut kajian Mayer (2001) ke atas remaja pintar cerdas turut mencadangkan bahawa kecerdasan emosi mempunyai hubungan dengan keupayaan mengendalikan emosi dalam hubungan dengan rakan sebaya. Dapatan kajian beliau seterusnya menunjukkan bahawa remaja sekolah yang mempunyai emosi stabil turut mempunyai hubungan sosial yang mantap. Pada masa yang sama remaja ini mempunyai pendirian yang tersendiri dan tidak mudah terikut dengan gaya rakan sebaya serta tidak mudah mengalah apabila menerima tekanan dari rakan-rakan sebaya.

1.1 Pernyataan Masalah

Perbincangan tentang kecerdasan emosi pelajar-pelajar di sekolah-sekolah merupakan satu isu yang amat mustahak dan perlu diberikan perhatian. Selain daripada kecerdasan intelek yang boleh menjamin tempat belajar di kolej dan institusi pengajian tinggi atau memegang jawatan profesional, kemahiran mengawal dan menggunakan emosi secara bijak pula boleh menjamin kesejahteraan hidup manusia. Sejak terbitnya buku Goleman (1996), semakin ramai penyelidik mula menunjukkan minat dan menjalankan penyelidikan dalam bidang yang baru ini. Mereka juga cuba memahami bagaimana kecerdasan emosi dapat berganding bahu dengan kecerdasan intelek bagi menentukan kejayaan dan keharmonian hidup manusia. Sememangnya tidak dapat dinafikan bahawa kecerdasan emosi juga memainkan peranan yang penting dalam menghadapi peperiksaan. Ini berdasarkan persepsi Tengku Asmadi (2000) yang menyatakan sebarang bentuk gangguan emosi perlu dielakkan semasa proses menghadapi peperiksaan kerana ia boleh membantutkan tahap kecemerlangan individu. Lantaran itu, pengaruh kecerdasan emosi merupakan salah satu elemen penting dalam mengukur pencapaian akademik mereka. Isu pencapaian akademik yang rendah dan tingkah laku kenakalan pelajar, walaupun telah diberikan bantuan dan insentif yang banyak oleh kerajaan masih banyak diperkatakan. Apakah persepsi guru kemahiran hidup mengenai kecerdasan emosi pelajar. Adakah latarbelakang ibubapa, persekitaran tempat tinggal boleh mempengaruhi kecerdasan emosi pelajar. Adakah mata pelajaran khususnya kemahiran hidup dapat meningkatkan kecerdasan emosi pelajar. Semua kita maklum bahawa kecerdasan emosi pelajar berbeza-beza. Persoalannya mengapa kecerdasan emosi pelajar berbeza di kebanyakkann sekolah. Dalam aspek ini, penyelidik ingin melihat dari sudut persepsi guru-guru bidang teknik dan vokasional Sekolah Menengah Kebangsaan Tinggi Segamat terhadap kecerdasan emosi pelajar dan adakah aspek-aspek dalam mata pelajaran dalam bidang teknik dan vokasional Sekolah Menengah Kebangsaan Tinggi Segamat seperti kemahiran hidup, ekonomi

rumah tangga, prinsip akaun, perdagangan dan ekonomi asas dapat meningkatkan kecerdasan emosi pelajar.

1.2 Tujuan Kajian

Memahami dan menjelaskan persepsi guru-guru bidang teknik dan vokasional Sekolah Tinggi Segamat dalam meningkatkan kecerdasan emosi pelajar.

1.3 Persoalan Kajian

- (i) Apakah persepsi guru-guru bidang teknik dan vokasional Sekolah Tinggi Segamat mengenai kecerdasan emosi pelajar?
- (ii) Bagaimanakah mata pelajaran dalam bidang teknik dan vokasional dapat meningkatkan kecerdasan emosi pelajar?

1.4 Kepentingan Kajian

Dapatkan kajian ini diharap dapat memberi maklum balas kepada Kementerian Pelajaran Malaysia, Jabatan Pelajaran Negeri, Pejabat Pelajaran Daerah dan guru-guru khususnya guru yang mengajar bidang teknik dan vokasional tentang persepsi guru dalam meningkatkan kecerdasan emosi pelajar. Melalui kajian ini diharap penambahbaikan dapat dilakukan untuk mengatur strategi-strategi tertentu yang lebih berkesan dalam meningkatkan kecerdasan emosi pelajar. Oleh itu, dapatkan kajian ini dapat memberi gambaran menyeluruh tentang persepsi guru-guru bidang teknik dan vokasional Sekolah Menengah Kebangsaan Tinggi Segamat dalam meningkatkan kecerdasan emosi pelajar. Di samping itu juga kajian ini amat berguna kepada pihak sekolah dalam meningkatkan prestasi pelajar samada dalam kurikulum ataupun kokurikulum.

1.5 Batasan Kajian

Peserta kajian tertumpu kepada guru-guru bidang teknik dan vokasional Sekolah Menengah Kebangsaan Tinggi Segamat seramai 5 orang yang kebanyakannya daripada mereka mempunyai pengalaman mengajar lebih 15 tahun. Peserta kajian seterusnya akan ditemubual oleh penyelidik untuk mendapatkan data kajian.

1.6 Guru-guru Bidang Teknik Dan Vokasional

Guru-guru bidang teknik dan vokasional Sekolah Menengah Kebangsaan Tinggi Segamat adalah guru-guru berpengalaman yang mengajar mata pelajaran kemahiran hidup, ekonomi rumah tangga, prinsip akaun, perdagangan dan ekonomi asas. Kajian ini melibatkan seramai 5 orang guru yang kebanyakannya daripada mereka mempunyai pengalaman mengajar lebih 15 tahun. Diantara guru-guru tersebut, terdapat daripada

mereka merupakan seorang guru berjawatan ketua bidang teknik dan vokasional dan seorang guru berjawatan ketua panitia kemahiran hidup.

2. METODOLOGI

Kajian ini bersifat kualitatif. Kajian ini adalah sesuai untuk difahami dan menjelaskan persepsi guru-guru bidang teknik dan vokasional Sekolah Menengah Kebangsaan Tinggi Segamat dalam meningkatkan kecerdasan emosi pelajar. Kaedah ini dipilih kerana data-data dapat diperolehi secara lebih mendalam dalam mengenalpasti sesuatu fenomena. Reka bentuk kajian kualitatif untuk memahami sesuatu fenomena secara mendalam. Melalui pendekatan kualitatif, penyelidik akan dapat mengetahui lebih mendalam tentang persepsi guru-guru bidang teknik dan vokasional Sekolah Menengah Kebangsaan Tinggi Segamat dalam meningkatkan kecerdasan emosi pelajar. Kajian ini merupakan kajian yang melibatkan temubual separa struktur yang dibina oleh penyelidik. Seramai lima orang guru akan ditemubual dan perbualan dirakamkan melalui pita rakaman setelah mendapat persetujuan daripada peserta kajian. Data-data temubual itu akan ditranskripsikan dan dianalisis mengikut tujuan kajian iaitu persepsi guru-guru bidang teknik dan vokasional Sekolah Menengah Kebangsaan Tinggi Segamat dalam meningkatkan kecerdasan emosi pelajar untuk menjawab persoalan kajian. Pemilihan peserta kajian adalah berdasarkan kepada '*purposive sampling*' yang sesuai dengan kajian ini. Pemilihan peserta kajian berdasarkan kepada maklumat yang diperolehi daripada Pengetua, Guru Penolong Kanan 1, Guru Penolong Kanan HEM dan rakan guru. Instrumen yang digunakan ialah semi struktur temubual yang difokuskan kepada beberapa tema penting untuk mengetahui persepsi guru-guru bidang teknik dan vokasional Sekolah Menengah Kebangsaan Tinggi Segamat dalam meningkatkan kecerdasan emosi pelajar. Proses temubual akan diadakan secara mendalam untuk mengetahui tentang persepsi guru-guru bidang teknik dan vokasional Sekolah Menengah Kebangsaan Tinggi Segamat dalam meningkatkan kecerdasan emosi pelajar. Penyelidik juga merupakan instrumen kajian yang menjalankan temubual. Pengkaji akan membuat temujanji dengan peserta kajian yang dipilih untuk ditemubual. Pengkaji akan mewujudkan repor yang baik terlebih dahulu dengan peserta kajian supaya peserta kajian akan merasa selesa sewaktu ditemubual. Pengkaji akan memastikan agar temubual itu dapat dijalankan secara mendalam (*indepth*).

2.1 Analisis Data

Data-data yang diperolehi daripada temubual akan ditranskripsikan dan data-data transkripsi akan dianalisis secara manual untuk menjawab kepada persoalan kajian iaitu persepsi guru-guru bidang teknik dan vokasional Sekolah Menengah Kebangsaan Tinggi Segamat dalam meningkatkan kecerdasan emosi pelajar. Data-data yang diperolehi daripada kenyataan peserta kajian akan digunakan untuk

menjawab persoalan-persoalan kajian. Data-data yang tidak perlu tidak akan digunakan.

3. DAPATAN KAJIAN

Bab ini akan membincangkan secara terperinci dan menyeluruh data-data yang diperolehi daripada persoalan-persoalan kajian yang berhubung dengan persepsi guru-guru bidang teknik dan vokasional Sekolah Tinggi Segamat dalam meningkatkan kecerdasan emosi pelajar. Data yang diperolehi melalui temubual telah ditranskripsikan secara manual dan dapatan kajian diperjelaskan berdasarkan tujuan kajian iaitu memahami dan menjelaskan persepsi guru-guru bidang teknik dan vokasional Sekolah Tinggi Segamat dalam meningkatkan kecerdasan emosi pelajar.

3.1 Bagi menjawab persoalan kajian 1, berdasarkan data transkripsi yang telah dianalisis secara manual didapati bahawa persepsi guru-guru bidang teknik dan vokasional Sekolah Tinggi Segamat dalam meningkatkan kecerdasan emosi pelajar adalah seperti berikut iaitu:

3.1.1 Kecerdasan emosi pelajar berbeza mengikut tahap kelas masing-masing.

Di Sekolah Tinggi Segamat, pelajar belajar mengikut tingkatan dan kelas-kelas yang tertentu mengikut tahap pencapaian akademik mereka. Sebagai contoh, pelajar tingkatan 4 mengambil mata pelajaran dalam bidang teknik dan vokasional seperti prinsip perakaunan, perdagangan dan ekonomi asas merupakan pelajar yang berada di kedudukan kelas yang kedua dan ketiga dimana kecerdasan emosi pelajar tersebut adalah stabil dan bersedia untuk belajar dan ianya berbeza bagi pelajar yang berada di kedudukan kelas yang terakhir. Contoh kenyataan oleh peserta kajian adalah:

“Untuk bidang teknik dan vokasional, apa yang saya dapat lihat adalah kecerdasan emosi pelajar itu adalah berbeza-beza disebabkan oleh yang pertamanya saya tengok adalah mengikut kepada kelas. Ok, apa saya dapati pelajar-pelajar di sekolah tinggi Segamat ini, pelajar-pelajar yang mengambil mata pelajaran teknik dan vokasional contohnya saya mengajar tingkatan 4 dan 5 untuk subjek prinsip perakaunan, perdagangan dan juga ekonomi asas. Pelajar-pelajar teknik dan vokasional, yang akan belajar subjek-subjek ini, mereka akan berada dikelas yang kedua ketiga keempat sahaja, ini bererti kecerdasan emosi pelajar yang mengambil subjek teknik dan vokasional ini kecerdasan emosi mereka saya anggap, pendapat saya adalah stabil tetapi ia tetap berbeza mengikut kelas yang mereka masuk. Contohnya kalau pelajar itu berada di kelas yang kedua dan juga ketiga, saya dapati emosi mereka memang stabil dan mereka memang berada dalam keadaan bersedia untuk belajar. Dan pergaulan mereka dengan rakan-rakan juga adalah sangat baik samada didalam kelas atau diluar kelas. Apa yang saya dapat lihat ialah, mereka

dapat mewujudkan semangat berpasukan, bermasyarakat didalam sekolah. Ok, tetapi bila saya cerita saya lihat kecerdasan emosi untuk pelajar yang berada dikelas yang jauh kebelakang contohnya kelas keempat dan kelima , saya dapat kecerdasan emosi mereka berada dalam keadaan yang tidak stabil. Ok saya dapat mereka selalu menimbulkan masalah samada ponteng kelas, ponteng sekolah, ataupun pergaduhan. Saya tidak dapat nak nafikan bahawa sekolah adalah tempat untuk mereka belajar dan guru-guru sepatutnya akan mendidik mereka. Tetapi pendidikan kepada mereka tidak dapat berikan 100% kalau untuk kecerdasan emosi semasa mereka berada di sekolah. Kecerdasan emosi mereka juga akan dipengaruhi juga oleh perkara-perkara lain seperti pergaulan dengan rakan sebaya semasa mereka berada didalam atau diluar sekolah kemudian kalau mereka berada diluar sekolah contohnya mereka akan lebih mudah terpengaruh dengan budaya negatif kerana sekolah tinggi segamat adalah sekolah yang terletak dikawasan Bandar, pelajar-pelajar senang untuk pergi keluar ke tempat-tempat seperti siber café, pasaraya terutamanya sekarang ini di segamat pada tahun ini telah ada wujudnya panggung wayang. Jadi pelajar-pelajar ini akan mendapat pengaruh yang bercorak negatif daripada luar sekolah.”

Daripada kenyataan tersebut, penyelidik melihat peserta kajian menyatakan terdapat perbezaan kecerdasan emosi pelajar mengikut tahap kelas masing-masing. Pelajar yang berada di kedudukan kelas yang baik mengikut tingkatan seperti tingkatan 4, kelas pertama iaitu 4 sains 1, kelas kedua iaitu 4 sains 2, kelas ketiga iaitu 4 perakaunan dan kelas keempat iaitu 4 perdagangan 1 dimana kecerdasan emosi mereka adalah stabil dan bersedia untuk belajar. Manakala bagi pelajar yang berada dikedudukan kelas yang agak terkebelakang seperti kelas kelima iaitu 4 perdagangan 2, kelas keenam iaitu 4 seni 1 dan kelas ketujuh iaitu 4 seni 2 dimana kecerdasan emosi mereka adalah kurang stabil dan sering menimbulkan masalah seperti ponteng kelas, ponteng sekolah dan pergaduhan serta mudah terpengaruh dengan budaya negatif.

3.1.2 Kecerdasan emosi pelajar berbeza mengikut tempat tinggal.

Kecerdasan emosi pelajar berbeza mengikut tempat tinggal mereka dimana pelajar yang tinggal di luar bandar iaitu kawasan yang agak pendalaman, kecerdasan emosinya agak rendah berbanding dengan pelajar yang tinggal dikawasan bandar atau dipinggir bandar yang mana mempunyai kecerdasan emosi yang tinggi. Ini berikutan di luar bandar kebanyakkan ibubapa kurang berpendidikan tinggi, berpendapatan rendah berbeza kebanyakkan ibubapa yang berada di kawasan atau dipinggir bandar kerana mempunyai berpendidikan yang baik, berpendapatan tinggi dan terdapat banyak kemudahan yang boleh digunakan seperti perpustakaan awam yang biasanya digunakan oleh pelajar yang tempat tinggal hampir dengan bandar. Contoh kenyataan oleh peserta kajian adalah:

“Secara keseluruhannya kecerdasan emosi dilihat berbeza-beza mengikut mana tempat dia berada. Kalau pelajar dibandar, diluar bandar atau dipinggir bandar biasanya ianya dipengaruhi oleh faktor persekitaran dan juga faktor ibu bapa serta pergaulan dimana ia secara tidak langsung membantu dalam mengawal atau membina kecerdasan emosi individu tersebut. Dan kalau lihat sebagai contoh di SMK Tinggi Segamat ini, latar belakang family/keluarga ianya datang dari tempat yang berbeza contohnya di Kg Tengah atau di Kg Tungku Tiga itu adalah kawasan yang agak pendalam. Kalau lihat di taman-taman di sekitar Sek Tinggi Segamat lebih kepada kawasan Bandar. Kalau kita dapat lihat contohnya di Kg Simpang Jabi agak jauh sikit ia dikira sebagai pinggir bandar atau di Gemereh sebagai pinggir bandar. Jadi kita dapat lihat bahawa kecerdasan emosi pelajar-pelajar ini kebanyakkan agak berbeza dan kalau kita lihat contohnya pelajar-pelajar yang tinggal di pinggir bandar dimana keadaan disekitarnya agak aman tenteram. Kita akan lihat kecerdasan emosi pelajar ini, pelajar-pelajarnya lebih bertatasusila lebih pandai mengawal kemarahan berbanding kalau mereka yang berada dipendalam mungkin faktor persekitaran yang kehidupannya agak sukar itu sedikit sebanyak berbeza dan kalau kita lihat dibandar khususnya kalau di taman-taman dimana ibubapa mempunyai pendidikan yang tinggi dan mengamalkan sahsiah yang baik maka secara tidak langsung pelajar-pelajar ini mempunyai kecerdasan emosi yang sangat baik.”

Daripada kenyataan tersebut, penyelidik melihat peserta kajian menyatakan terdapat perbezaan kecerdasan emosi pelajar mengikut persekitaran tempat tinggal pelajar dimana pelajar yang tinggal di kawasan bandar atau pinggir bandar mempunyai kecerdasan emosi yang baik berbanding dengan pelajar yang tinggal di kawasan luar Bandar atau pendalam. Ini disebabkan pelajar yang tinggal dipersekutaran bandar atau luar bandar boleh menggunakan banyak kemudahan yang disediakan yang boleh meningkatkan kecerdasan emosi seperti ada kemudahan tempat riadah, perpustakaan awam dan sebagainya. Peserta kajian juga ada menyebut perbezaan kecerdasan emosi pelajar adalah dari latarbelakang ibubapa samada dari golongan berpendidikan tinggi atau tidak dimana ibubapa pelajar yang berpendidikan rendah biasanya mempunyai pendapatan yang rendah secara tidak langsung kecerdasan emosi anaknya juga rendah kerana sukar memenuhi keperluan pelajaran anaknya. Bagi ibubapa yang berpendidikan tinggi dan biasanya mempunyai pendapatan yang tinggi secara tidak langsung anaknya juga mempunyai kecerdasan emosi yang baik disebabkan segala keperluan pelajaran anak dapat dipenuhi menyebabkan semangat dan kecerdasan emosi anak untuk belajar semakin meningkat. Pergaulan juga boleh mempengaruhi kecerdasan emosi dimana pergaulan antara rakan sebaya yang tidak terkawal maka akan mudah berlaku pergaduhan. Apabila kecerdasan emosi dapat diterapkan kepada pelajar mereka boleh mewujudkan pergaulan yang baik.

3.1.3 Pendidikan dan perhatian dari ibu bapa

Kecerdasan emosi pelajar boleh dipengaruhi oleh pendidikan ibu bapa dimana ibu bapa yang mempunyai pendidikan dan sahsiah yang tinggi maka secara tidak langsung kecerdasan emosi anaknya juga tinggi. Perhatian dari ibu bapa terhadap anaknya juga penting kerana jika berlaku kurang perhatian ibu bapa terhadap anak seperti sibuk bekerja, cepat marah akan menyebabkan tahap kecerdasan emosi anaknya menjadi rendah. Biasanya ibu bapa yang sibuk bekerja tinggal di pinggir bandar. Contoh kenyataan oleh peserta kajian adalah:

“Pendidikan biasanya kita akan lihat ibubapa yang mempunyai pendidikan yang agak baik dan sahsiah yang baik maka kecerdasan emosi anaknya atau pelajar itu akan jauh baik dan juga kalau kita lihat pelajar-pelajar yang tinggal di persekitaran yang pinggir bandar mana yang ibu bapanya sibuk bekerja dan sebagainya maka anaknya tidak diberi perhatian ini akan cenderung untuk mempuayai kecerdasan emosi yang agak kurang dimana ianya mereka ini lebih keras hati kemudiannya lebih cepat marah kerana tidak ada perhatian daripada ibubapa.”

Daripada kenyataan tersebut, penyelidik berpendapat pendidikan ibubapa mempunyai pengaruh terhadap kecerdasan emosi pelajar dimana ibubapa yang mempunyai pendidikan tinggi mempunyai sahsiah peribadi yang baik, berpendapatan tinggi dan dapat membantu anaknya dalam meningkatkan kecerdasan emosi. Bagi ibubapa yang berpendidikan rendah boleh menyebabkan kecerdasan emosi pelajar rendah dimana perhatian dari ibubapa terhadap anaknya menjadi kurang disebabkan sibuk bekerja untuk mencari pendapatan lebih bagi menyara keluarga.

3.1.4 Perbandingan kecerdasan emosi pelajar Sek Men Keb Tinggi Segamat dengan Sek Men Keb Pemanis

Kecerdasan emosi pelajar di Sek Men Keb Tinggi Segamat berbeza dengan kecerdasan emosi pelajar Sek Men Keb Pemanis kerana pelajar yang berada di Sek Men Keb Pemanis kebanyakkan adalah dari kawasan felda. Contoh kenyataan oleh peserta kajian adalah:

“Apa yang saya nak nyatakan disini kalau kita lihat di Sek Men Keb Pemanis sebagai contohnya mereka mempunyai satu budaya atau suatu norma yang sama kerana mereka datang dari latarbelakang yang sama iaitu kawasan felda manakala di Sek Men Keb Tinggi Segamat ini mereka datang dari beberapa kawasan yang berbeza. Jadi kalau kita tengok pola kecerdasan emosi mereka ini hampir sama tetapi di Sek Tinggi ini mereka datang daripada kawasan yang berbeza maka pola kecerdasan emosi mereka ini sangat ketara nampak antara satu sama lain.”

Daripada kenyataan tersebut, penyelidik berpendapat bahawa terdapat perbezaan antara kecerdasan emosi pelajar Sek Men Keb Tinggi Segamat dan Sek

Men Keb Pemanis disebabkan pelajar Sek Men Keb Pemanis majoriti tinggal di kawasan felda berbeza pelajar Sek Men Keb Tinggi Segamat yang kebanyakannya tinggal di kawasan bandar atau dipinggir bandar. Penduduk di Felda kebanyakannya dari golongan peneroka atau pekebun kelapa sawit yang berpendapatan sederhana dan rendah berbeza dengan penduduk disekitar kawasan Sek Men Keb Tinggi Segamat kebanyakannya mereka dari golongan pekerja kakitangan awam, swasta atau kerja sendiri dimana mereka mempunyai pendapatan sederhana dan tinggi maka mereka tiada masalah dalam membeli barang kelengkapan sekolah anak maka secara tidak langsung dapat membina semangat dan kecerdasan emosi anak untuk terus belajar.

3.1.5 Kecerdasan emosi yang stabil amat penting bagi pelajar

Kecerdasan emosi yang stabil penting dan perlu ada bagi pelajar supaya proses pengajaran dan pembelajaran dalam kelas dapat berjalan dengan lancar dan berkesan. Ini berikutan mata pelajaran kemahiran hidup mempunyai banyak kerja kursus dimana markah dari kerja kursus diambil kira dalam Peperiksaan Penilaian Menengah Rendah maka pelajar perlu berusaha bersungguh-sungguh serta perlu mempunyai kecerdasan emosi yang stabil supaya mereka memperolehi markah yang tinggi dalam kerja kursus. Contoh kenyataan oleh peserta kajian adalah:

“Saya merasakan bahawa kecerdasan emosi itu amat penting kepada semua pelajar saya. Sebelum memulakan proses p&p dalam kelas sepatutnya pelajar perlu mempunyai kecerdasan emosi yang stabil supaya pelajar dapat faham apa yang saya ajar dan proses p&p akan lebih berkesan. Jika pelajar mempunyai kecerdasan emosi yang baik, mereka akan amat berminat dan bermotivasi dalam melakukan aktiviti-aktiviti yang saya lakukan didalam kelas. Ini membolehkan pelajar itu contohnya kalau kerja kursus kemahiran hidup, kita mempunyai banyak kerja kursus samada tingkatan 1, 2 dan 3. Kerja kursus ini merangkumi banyak projek diantaranya adalah projek elektronik, projek reka cipta, jahitan dan masakan dimana kesemua projek kerja kursus ini memberi pelajar markah yang tinggi iaitu sebanyak 40% untuk markah PMR. Oleh itu, amat penting bagi pelajar mempunyai kecerdasan emosi yang stabil yang positif supaya dapat markah yang penuh untuk markah kerja kursusnya.”

Daripada kenyataan tersebut, penyelidik berpendapat kecerdasan emosi yang stabil amat perlu pada setiap pelajar supaya mereka mudah faham, berminat dan bermotivasi dalam menyiapkan sesuatu projek yang telah diberi oleh guru.

3.1.6 Pelajar lelaki lebih berani

Pelajar lelaki dilihat lebih berani berbanding pelajar perempuan semasa mereka melakukan projek rekacipta dimana pelajar lelaki lebih yakin dan tidak takut

menggunakan alatan seperti gergaji dalam proses menyiapkan rekacipta. Contoh kenyataan oleh peserta kajian adalah:

“Perbezaan pelajar lelaki dan perempuan dimana pelajar lelaki untuk projek rekacipta mereka lebih berani contohnya kalau mereka melakukan proses rekacipta menggunakan alatan yang merbahaya seperti gergaji yang mana pelajar lelaki lebih suka mengendalikan tetapi saya akan pastikan pelajar perempuan juga sama-sama bermotivasi. Memastikan pelajar perempuan mempunyai kecerdasan emosi yang setanding dengan lelaki yang kedua-dua pelajar saya ini mendapat markah yang tinggi dapat menghasilkan projek yang terbaik.”

Daripada kenyataan tersebut, penyelidik berpendapat pelajar lelaki mempunyai kecerdasan emosi yang tinggi ketika melakukan proses menyiapkan projek seperti rekacipta berbanding dengan kecerdasan emosi pelajar perempuan. Ini disebabkan projek seperti rekacipta banyak menggunakan kemahiran dan ini memberi kelebihan kepada pelajar lelaki kerana mereka lebih mahir menggunakan peralatan berbanding perempuan.

3.1.7 Kecerdasan emosi perlu diterapkan kepada pelajar berikutan kemahiran hidup melibatkan kerja-kerja hand-on

Pelajar perlu ada kecerdasan emosi yang baik berikutan kemahiran hidup melibatkan kerja-kerja hand-on dimana sekiranya pelajar yang mempunyai kecerdasan emosi yang rendah akan mudah terdedah dengan kemalangan atau kecederaan. Contoh kenyataan oleh peserta kajian adalah:

“Dari segi persepsi saya tentang kecerdasan emosi dikalangan pelajar ialah saya beranggapan bahawa kecerdasan emosi amat perlu diterapkan kepada pelajar terutama sekali dalam mata pelajaran yang melibatkan kerja-kerja hand-on terutama sekali dalam mata pelajaran kemahiran hidup yang mana kecerdasan emosi memainkan peranan yang penting dalam menentukan tingkah laku seseorang pelajar tersebut. Ini kerana sekiranya pelajar itu mempunyai kecerdasan emosi yang baik segala kerja-kerja yang melibatkan pertukangan, pertanian dapat diselesaikan dengan berkesan sekali gus dapat mengelakkan berlakunya insiden yang tidak diingini seperti kemalangan dibengkel dan sebagainya. Bagi saya sekiranya pelajar mempunyai kecerdasan emosi yang stabil dan mantap maka segala kerja-kerja yang dilakukan dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan lebih efektif masa juga dapat diijinkan kos dan juga banyak perkara-perkara yang sepertimana yang saya katakan tadi yang paling penting adalah berkenaan dengan keselamatan pelajar kerana sekiranya mereka gagal mengawal emosi mungkin boleh mengundang kepada kejadian-kejadian yang tidak diingini berlaku.”

Dari pada kenyataan tersebut, penyelidik berpendapat kecerdasan emosi perlu diterapkan kepada pelajar lelaki dan perempuan bagi membentuk tingkah laku yang baik, dapat mengawal emosi mereka dan dapat menyiapkan projek atau kerja kursus yang terbaik. Disamping itu, pelajar yang mempunyai kecerdasan emosi yang stabil dapat mengelak kemalangan yang tidak diingini di bengkel dan keselamatan pelajar terjamin.

3.1.8 Kecerdasan emosi boleh membentuk disiplin pelajar

Melalui kecerdasan emosi pelajar, disiplin pelajar dapat dibentuk dan dapat mengelakkan dari gejala negatif. Contoh kenyataan oleh peserta kajian adalah:

“Saya juga beranggapan bahawa pelajar yang mempunyai kecerdasan emosi akan membentuk pelajar yang lebih berdisiplin yang tidak terlibat dengan gejala-gejala yang boleh mengundang kepada permasalahan yang berlaku disekolah.”

Berdasarkan kenyataan tersebut, penyelidik berpendapat kecerdasan emosi perlu diterapkan kepada pelajar supaya mereka dapat membentuk disiplin yang baik dan patuh kepada peraturan-peraturan yang telah ditetapkan di bengkel.

3.1.9 Kecerdasan emosi pelajar berubah-ubah

Kecerdasan emosi pelajar berubah-ubah kerana mengikut latarbelakang ibu bapa seperti berpendapatan tinggi atau rendah dan persekitaran tempat tinggal pelajar. Contoh kenyataan oleh peserta kajian adalah:

“Tentang kecerdasan emosi pelajar, saya ambil contoh yang paling dekat tentang pelajar saya sepanjang 8 tahun saya mengajar di sekolah tinggi, saya boleh katakan setiap masa saya mengajar emosi pelajar memang berubah-ubah. Jadi, tugas saya lebih kepada emosi kalau satu kelas saya mengajar lebih kurang 25 orang pelajar maka saya terpaksa berdepan dengan 25 emosi pelajar. Jadi saya memang kalau cikgu dalam bidang pendidikan memang nak tak nak mesti terima ragam dan emosi 25 orang pelajar. Sebab jadi begini, kita akan lihat latarbelakang pelajar itu sendiri, kalau pelajar itu dari golongan berpendapatan rendah saya lihat pelajar masuk belajar kelas saya, kadang-kadang rasa nak marah tapi saya terpaksa kawal emosi saya sendirikerana pelajar tersebut dari keluarga berpendapatan rendah dengan masuk kedalam bengkel dalam keadaan yang lusuh jadi itu secara tidak langsung menyebabkan pelajar seperti kurang minat nak belajar. Kalau pelajar dari keluarga berpendapatan sederhana dan tinggi mereka tiada masalah, jadi kita tengok pelajar ini kita jangan terus menghukum pelajar. Macam saya perlu kenalpasti dulu latarbelakang pelajar tengok, jadi kita tahu pelajar yang tak semestinya pelajar yang berpendapatan rendah emosinya rendah, ada juga seperti telah saya katakan saya sendiri dari golongan berpendapatan rendah jadi saya sebagai seorang guru

saya cuba sedaya upaya saya membantu pelajar ini walau kita ini dari golongan berpendapatan rendah atau kawasan kampong atau pendalaman, kita tak semestinya sentiasa gagal. Jadi kita perlu kawal emosi diri kita, kita kena tingkatkan emosi kita, kita kena lawan..kalau emosi kita tak stabil pada hari itu, kita perlu kuatkan semangat. Emosi dan semangat saling kait mengait. Jadi kita lihat pelajar dari segi mata pelajaran kemahiran hidup, saya mesti menekan kepada pelajar, tolong pastikan bila pelajar masuk ke dalam bengkel emosi mesti stabil.”

Berdasarkan kenyataan diatas, penyelidik berpendapat bahawa latarbelakang ibubapa mempengaruhi kecerdasan emosi pelajar dimana ibubapa yang berpendapatan rendah menyukarkan mereka untuk membeli peralatan sekolah anak mereka yang baik dan lengkap. Ini menyebabkan ada pelajar datang ke sekolah dengan baju lama yang lusuh dan tidak mempunyai peralatan sekolah yang mencukupi. Keadaan ini menyebabkan guru sukar menjalankan p&p dengan berkesan. Bagi ibubapa yang berpendapatan tinggi tiada masalah dalam penyediaan peralatan sekolah anak mereka secara tidak langsung pelajar lebih bersemangat untuk belajar di bengkel sekolah.

3.2 Bagi menjawab persoalan kajian 2, berdasarkan data transkripsi yang telah dianalisis secara manual didapati bahawa bagaimana mata pelajaran dalam bidang teknik dan vokasional dapat meningkatkan kecerdasan emosi pelajar adalah seperti berikut iaitu:

3.2.1 Pelajar yang mempunyai halatuju dan wawasan.

Pelajar boleh meningkatkan kecerdasan emosi dengan cita-cita atau halatuju dan wawasan yang mereka tetapkan. Contoh kenyataan oleh peserta kajian adalah:

“Apa yang saya dapati, pelajar kelas yang kedua dan juga yang ketiga yang mengambil ekonomi asas dan juga prinsip perakaunan, kecerdasan emosi mereka memang jauh lebih stabil. Mereka mempunyai wawasan contohnya kalau pelajar itu mengambil subjek perakaunan apabila saya tanya mereka sangat jelas menyatakan hala tuju mereka adalah untuk masuk ke matrikulasi atau melanjutkan pelajaran ke uitm mengambil diploma perakaunan dan ini telah mendapat dibuktikan pelajar-pelajar saya mendapat A ataupun B+ apabila saya mengajar mereka diperingkat SPM bila saya hubungi semula mereka pula mereka bangga bahawa mereka telah dapat tawaran kematrikulasi didalam bidang perakaunan dan saya sebagai guru sangat berbangga dengan mereka sebab jelas mereka nampak halatuju masing-masing. Begitu juga dengan pelajar yang mengambil elektif ekonomi rumah tangga. Elektif ekonomi rumah tangga ini hanya ditawarkan kepada pelajar perempuan sahaja dan pelajar itu yang berada dikelas yang ke 4. Walaupun mereka berada di kelas yang keempat pelajar-pelajar ekonomi rumah tangga ini juga saya lihat mereka dapat menstabilkan emosi mereka apabila mereka mengambil mata

pelajaran ini sebab kita tahu mereka ini diaras yang sederhana jadi kita tidak boleh paksa mereka belajar teori mereka lebih suka dengan subjek yang berunsur praktikal terutamanya kalau untuk pelajar perempuan mereka suka yang ada kaitan dengan kewanitaan contohnya menjahit memasak, mereka tahu mereka perlu pandai memasak perlu pandai menjahit supaya mereka boleh samada boleh melanjutkan pelajaran ke uitm mengambil bidang seni kulinari ataupun paling kurang kalau mereka tidak dapat melanjutkan pelajaran InsyaAllah saya percaya pelajar-pelajar saya nanti kalau berkahwin jadi seorang isteri yang baik dan dapat membantu suami dan yang paling penting adalah dapat berdikari.”

Berdasarkan kenyataan diatas, penyelidik berpendapat pelajar yang mempunyai matlamat secara tidak langsung dapat meningkat kecerdasan emosi mereka kerana pelajar tahu jika mereka berjaya mereka akan dapat capai cita-cita seperti menyambung pelajaran di matrikulasi ataupun mengambil bidang seni kulinari di Uitm bagi pelajar perempuan supaya masa depan mereka adalah terbaik dan terjamin.

3.2.1 Pelajar boleh meningkatkan kecerdasan emosi dengan bantuan guru

Pelajar boleh memperbaiki dan meningkatkan kecerdasan emosi mereka dengan bantuan guru supaya mutu hasil kerja pelajar juga meningkat tinggi. Contoh kenyataan oleh peserta kajian adalah:

“Sebenarnya kalau kita lihat subjek kemahiran hidup ini merupakan satu tapak dimana pelajar boleh memperbaiki kecerdasan emosi mereka kerana kalau kita lihat subjek kemahiran hidup banyak teori dan praktikal dari tingkatan 1 hingga tingkatan 3 contohnya dari aspek jahitan atau dari aspek reka cipta sesuatu kerja kursus itu harus diselesaikan dengan mengambil kira kerja terbaik pelajar jd pelajar harus berusaha untuk memperbaiki mutu rekacipta ataupun mutu jahitan mereka dari semasa ke semasa dari sini kita akan lihat kecerdasan emosi pelajar itu boleh diperbaiki dan sekiranya mereka cepat putus asa dan sebagainya guru sebagai pembimbing boleh memberi motivasi untuk pelajar membentuk emosi yang lebih positif agar rekacipta atau kerja kursus mereka dapat dihabiskan serta dihasilkan dengan semaksima sebaik mungkin.”

Berdasarkan kenyataan diatas, penyelidik berpendapat dengan bantuan guru boleh meningkatkan kecerdasan emosi pelajar dimana guru memberi peluang kepada pelajar untuk memperbaiki projek atau kerja kursus mereka, memberi motivasi dan semangat kepada pelajar secara tak langsung dapat meningkatkan kecerdasan emosi pelajar.

3.2.2 Kerjasama adalah elemen penting dalam meningkatkan kecerdasan emosi pelajar

Bekerja dalam kumpulan ketika menyiapkan sesuatu projek perlu ada elemen kerjasama dan berfikiran positif supaya dapat hasilkan projek yang menarik serta guru sedaya upaya membimbang supaya kecerdasan emosi pelajar sentiasa stabil dan meningkat. Contoh kenyataan oleh peserta kajian adalah:

“Sebagai contoh pelajar membuat rekacipta, pelajar perlu bekerjasama dengan kawan-kawannya untuk menyelesaikan masalahnya contohnya membuat projek-projek kayu, pelajar perlu bekerjasama kemudian berfikiran positif untuk mereka suatu projek yang menarik yang berfungsi dapat menyelesaikan masalahnya. Dan cikgu sebagai pembimbang dengan sedaya upaya memastikan emosi pelajar itu sentiasa stabil dan sentiasa bermotivasi supaya dia mendapat markah yang penuh untuk setiap kerja kursusnya.”

Berdasarkan kenyataan diatas, penyelidik berpendapat kerjasama antara pelajar dalam menyiapkan kerja kursus atau sesuatu projek amat penting dalam meningkatkan kecerdasan emosi pelajar dimana jika terdapat diantara pelajar berselisih faham atau bergaduh maka boleh menjelaskan persiapan sesuatu kerja kursus atau projek.

3.2.3 Dalam menyiapkan projek kemahiran hidup ada komponen-komponen tertentu boleh meningkatkan kecerdasan emosi pelajar.

Dalam menyiapkan projek kemahiran hidup ada komponen tertentu boleh meningkatkan kecerdasan emosi pelajar seperti pertukangan, pendawaian dan pertanian. Contoh kenyataan oleh peserta kajian adalah:

“Kita perlu menerapkan kecerdasan emosi dengan lebih kepada kecerdasan emosi, jadi seperti pelajaran kemahiran hidup yang terdiri daripada pelbagai peringkat dimana ada bidang pertukangan ada, bahagian pertanian, pendawaian. Jadi ianya dilihat bahawa dalam setiap aktiviti yang dilakukan umpamanya dalam bidang pertukangan perlu mempunyai kecerdasan emosi kerana setiap kerja yang dibuat oleh pelajar perlu disiapkan dengan baik, kemas dan juga sempurna. Sekiranya tidak dapat disiapkan dengan baik ianya akan mengundang kepada pemberian markah tidak sempurna sekali gus akan memberi kesan yang tidak baik kepada markah kerja kursus mereka. Sama juga dalam bidang pertanian pelajar perlu tahu hal-hal yang berkaitan dengan kaedah-kaedah penanaman pokok bunga, penyelenggaraan tanaman seperti pasu-pasu pokok bunga pengendalian baja bahan kimia dan juga peralatan-peralatan digunakan dalam masa mengendalikan aktiviti bercucuk tanam. Jadinya penguasaan kecerdasan emosi yang baik boleh membentuk kerjasama kumpulan sikap tolong menolong sabar dan bantu membantu dikalangan para pelajar dan juga guru-guru. Sebelum saya terlupa dalam bahagian kemahiran hidup juga terdapat juga aktiviti yang melibatkan elektrik iaitu pendawaian dimana

pelajar-pelajar didedahkan dengan kaedah-kaedah pendawaian seperti mematri, membentuk projek dan mengendalikan peraturan-peraturan elektrik yang adakalanya tidak beri pengawasan yang baik oleh guru ianya boleh mengundang kecelakaan kepada pelajar itu sendiri. Jadi guru-guru perlu mengawasi setiap aktiviti yang melibatkan para pelajar kerana tahap penguasaan kecerdasan emosi pelajar jika dibandingkan dengan guru-guru mereka lebih rendah jadi sebagai guru saya sentiasa menerapkan agar mereka lebih peka terhadap apa yang mereka lakukan kerana sekiranya mereka melakukan kerja itu dengan baik mereka akan dapat hasil yang baik. Sekiranya mereka mengambil sambil lewa sahaja terhadap apa yang mereka lakukan mereka tidak mengendahkan peraturan-peraturan yang terdapat dalam bengkel ianya bukan sahaja membahayakan kepada diri mereka sendiri malah boleh mengundang bahaya kepada rakan-rakan mereka yang lain.”

Berdasarkan kenyataan diatas, penyelidik berpendapat terdapat komponen-komponen dalam mata pelajaran kemahiran hidup boleh meningkatkan kecerdasan emosi pelajar seperti dalam bahagian pertukangan, pertanian dan pendawaian. Dalam bahagian pertukangan, pelajar perlu mempunyai kecerdasan emosi yang stabil kerana dalam menyiapkan projek seperti tanggam perlu dibuat dengan kemas dan betul. Dalam bahagian pertanian pula, pelajar perlu berhati-hati dan mengikut langkah-langkah penanaman yang betul supaya projek penanamam mereka menjadi dan dengan ini boleh meningkatkan kecerdasan emosi mereka. Dalam bahagian pendawaian pula, ketelitian dan kesabaran amat penting bagi setiap pelajar seperti mematri dan mengendalikan peralatan elektronik dan secara tidak langsung kecerdasan emosi pelajar boleh meningkat.

3.2.4 Pelajar yang terlibat dengan kerja-kerja seperti pertukangan, pendawaian (elektronik) boleh meningkatkan kecerdasan pelajar

Pelajar yang terlibat dengan kerja-kerja seperti pertukangan, pendawaian (elektronik) boleh meningkatkan kecerdasan emosi berikutan penggunaan peralatan dengan kecerdasan emosi yang baik dapat menghasilkan projek yang terbaik. Contoh kenyataan oleh peserta kajian adalah:

“Pelajar akan terlibat kerja-kerja pertukangan dalam contoh kemahiran teknikal, pelajar perlu buat satu rekabentuk yang mana pelajar perlu menggunakan gergaji perlu menggunakan pahat, perlu menggunakan peralatan yang bahaya tapi penggunaan peralatan dikawal oleh guru bertugas atau guru yang mengajar. Jadi kalau kita lihat, pelajar perlu lebih berhati-hati dan pelajar yang emosinya kalau kita lihat jika berkecamuk tidak boleh menggunakan peralatan dengan baik. Saya sering tekankan bahawa jika pelajar belum boleh nak buat, pelajar jangan mulakan sebab kerja tangan ini memerlukan ketelitian. Kalau pelajar nak buat tanggam, perlu pelajar yang ada kestabilan emosi untuk hasilkan dengan kemas. Dari segi pemarkahan, tanggan kena buat dengan kemas jadi pelajar yang ada kecerdasan

emosi akan menghasilkan tanggam dengan kemas dan betul dan tiada berlaku kemalangan. Saya selalu ingatkan kepada pelajar emosi perlu stabil dalam menjalankan segala bentuk kerja-kerja kayu itu dari segi kemahiran teknikal. Manakala kemahiran yang melibatkan pematrian elektronik. Pematrian elektronik memerlukan ketelitian sebab pelajar bekerja dengan menggunakan komponen-komponen elektronik yang kecil-kecil jadi kalau emosi tak stabil emosinya berkecamuk pelajar tidak akan dapat membengkokkan kaki komponen dan pematrian dengan betul dan kemungkinan projek yang pelajar buat tidak berfungsi. Saya pesan pada pelajar jika pelajar benar-benar bersedia pelajar kena buat. Tapi namanya pelajar kita tak tahu bila masanya emosi stabil dan bersedia. Jadi saya sebagai guru membantu pelajar dengan menggunakan pelbagai kaedah yang pernah saya belajar terus saya aplikasikan dalam p & p saya, Alhamdulillah juga setakat ini belum ada pelajar yang tidak dapat menyiapkan projek elektronik.”

Berdasarkan kenyataan diatas, penyelidik berpendapat pelajar yang terlibat dengan kerja-kerja seperti pertukangan, pendawaian (elektronik) boleh meningkatkan kecerdasan emosi berikutan penggunaan peralatan dalam menghasilkan projek yang terbaik. Dalam bahagian petukangan memerlukan ketelitian dan kecerdasan emosi yang stabil dari pelajar supaya hasil kerja tangan dapat dibuat dengan baik dan kemas. Dalam bahagian pendawaian pula, dapat mendidik pelajar membentuk kecerdasan emosi seperti pematrian elektronik memerlukan ketelitian. Jika pelajar tidak mempunyai kecerdasan emosi yang stabil seperti membengkokkan kaki komponen elektronik yang kecil tidak akan dapat dibuat. Guru juga memainkan peranan penting dalam meningkatkan kecerdasan emosi pelajar dimana memastikan pelajar sebelum memulakan sesuatu projek di dalam bengkel perlu bersedia dan mempunyai kecerdasan emosi yang stabil supaya hasil sesuatu projek dapat dibuat dengan kemas, betul dan lengkap.

4. Cadangan Penyelidikan

Berdasarkan dapatan kajian diatas adalah dicadangkan para penyelidik masa akan datang untuk melanjutkan kajian ini kepada:

- 4.1 Kecerdasan emosi pelajar dan hubungannya dengan pencapaian Penilaian Menengah Rendah khususnya matapelajaran kemahiran hidup.
- 4.2 Persepsi pelajar yang mengambil matapelajaran kemahiran hidup dalam meningkatkan kecerdasan emosi pelajar.
- 4.3 Persepsi Pengetua Sekolah Menengah dalam meningkatkan kecerdasan emosi pelajar yang mengambil mata pelajaran kemahiran hidup.
- 4.4 Persepsi Pengetua Sekolah Menengah dalam meningkatkan kecerdasan emosi guru yang mengajar kemahiran hidup.

5. Kesimpulan

Kesimpulannya, berdasarkan analisis transkripsi, didapati persepsi guru-guru bidang teknik dan vokasional Sekolah Menengah Kebangsaan Tinggi Segamat bahawa kecerdasan emosi perlu diterapkan kepada setiap pelajar supaya mereka dapat meningkatkan prestasi akademik, kemahiran dan juga kokurikulum mereka.

6. BIBLIOGRAFI

- Mayer, J.D. Salovey. P. 1997. *What Is Emotional Intelligence?* Dalam P. Salovey dan D. Sluyter (Eds), *Emotional Development and Emotional Intelligence: Implication For Educators*, New York: Basic, hlm. 3 – 31
- Mayer, J. D. 2001. Emotional Intelligence and Giftedness. *Roeper Review*. 23(3): 131-137.
- Mayer,D Caruso,R, & Salovey, P. (1999). *Emotional Intelligence Meets Traditional Students for an Intelligence*. *Intelligence*. 27.
- Goleman, D. (1996). *Working with Emotional Intelligence*. New York: Bantam Books
- Goleman D, (1998), *Working with Emotional Intelligence*, London, Bloomsbury Publishing
- Noriah, M.1. 2000. Laporan Teknikal Seminar Penyelidikan RM8, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Noriah, Siti Rahayah, Zuria, Saemah, Manisah dan Rasadah 2000. Relationship between IQ and EQ. Paper Presented at Learning Conference, Spetse Island, Greece.
- Noriah, M.I. 2004. Laporan Teknikal IPRA. Prosiding Seminar Pemantauan Penyelidikan IRPA RM7. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Noriah, M.I., Zuria, M., Siti Rahayah, A., Ramlee, M., Ruhizan, M.Y., Norzaini, A., & Ruslin, A. 2004. IRPA Executive Report. MOSTI.